

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HGM 237 – Geografi Bandar dan Metropolitan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Bincangkan kepentingan-kepentingan Revolusi Agraria dan Revolusi Industri kepada proses urbanisasi dan pertumbuhan bandar.

[25 markah]

2. Merujuk kepada pembangunan bandar-bandar di negara ASEAN, bincangkan bagaimana pembangunan ekonomi, perindustrian dan urbanisasi bersalinghubungan.

[25 markah]

3. Merujuk kepada sistem bandar di Malaysia, bincangkan bagaimana kajian Christaller menyumbang untuk menjelaskan kesalinghubungan di antara bandar besar dan bandar kecil.

[25 markah]

4. Bincangkan peranan perubahan teknologi komunikasi dan penggunaan komputer dalam evolusi ekonomi global dan bandar-bandar global yang mengawalinya.

[25 markah]

...2/-

5. Jelaskan ciri-ciri yang dimiliki oleh sebuah bandar global. Berdasarkan pendapat anda, bincangkan implikasi ekonomi dan sosial sekiranya Bandaraya Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya global.

[25 markah]

6. Jelaskan maksud 'Bandar Lampau Sempadan'. Merujuk kepada pertumbuhan Wilayah Singapura-Johor-Batam, bincangkan isu-isu pembangunan bandar lampau sempadan yang relevan yang mengekang ke arah pembangunan bandar tersebut.

[25 markah]

7. Andaikan anda seorang ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berpengaruh, berikan komen anda terhadap kepincangan pembangunan bandar dalam konteks pembangunan Bandar Mapan.

[25 markah]

8. Jelaskan maksud 'pengasingan ruangan'. Merujuk kepada beberapa contoh sesuai di Bandaraya Kuala Lumpur, bincangkan faktor-faktor yang menyumbang ke arah fenomena tersebut.

[25 markah]